



KENANGAN.... Prof Dr Shariff (dua kanan) menyampaikan cenderamata kepada Ahmad Hizzad diperhatikan Dr Ag Asri (kiri) dan Dr Norazah (kanan di Pejabat Pengarah UMS-KAL, Khamis

Labuan FSA, UMS-KAL tingkat kerjasama

NST 12.02.2012 //

OLEH JAINUDIN DJIMIN
jainuddin@newsabahtimes.com.my

LABUAN: Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (Labuan FSA) dan Universiti Malaysia Sabah kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) bersetuju untuk meningkatkan hubungan kerjasama khususnya dalam bidang institusi kewangan dan pendidikan demikian kata Pengarah UMS-KAL, Prof Dr Shariff Abdul Kadir Omang.

Katanya, Labuan FSA juga bersedia membantu UMS-KAL menyediakan peluang pekerjaan kepada pelajar terutama yang berkaitan dengan Perbankan Kewangan, Islamic Banking dan Teknologi Maklumat.

Bagaimanapun, Dr Shariff berkata pelajar UMS-KAL perlu meningkatkan prestasi di bidang akademik terutama penguasaan Bahasa Inggeris yang menjadi keutamaan dalam kerjaya perbankan.

"UMS-KAL akan menjalinkan hubungan dua hala dengan Labuan FSA terutama yang berkaitan penyelidikan, latihan, kewangan dan perbankan," katanya selepas menerima kunjungan hormat Ketua Pengarah, Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (Labuan FSA), Ahmad Hizzad Baharuddin di Pejabat

Pengarah, Tingkat 13, Bangunan Menara UMS-KAL, pada Khamis.

Turut hadir Pemangku Dekan Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL), Prof Madya Dr Norazah Mohd Suki dan Dekan Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL), Dr Ag Asri Ag Ibrahim.

Menurut Shariff, Labuan FSA merupakan penyumbang utama kepada Majlis Penghargaan Graduan (MPG) UMS-KAL pada setiap tahun yang mengiktiraf kejayaan cemerlang pelajar SPKAL dan SSIL.

Sehubungan itu, katanya, kedua-dua pihak akan melihat kepentingan Labuan FSA dalam program pembelajaran SPKAL dan SSIL terutama yang berkaitan kewangan dan teknologi maklumat.

Selain itu, beliau berkata UMS-KAL juga bersedia membantu Labuan FSA dalam menyediakan kakitangan dan pelajar yang berkelayakan dalam industri kewangan perbankan untuk memperkuatkannya lagi kedudukan Labuan FSA sebagai institusi kebanggaan bertaraf antarabangsa.

"Saya yakin kerjasama antara institusi perbankan dan kewangan serta pendidikan mampu dijayakan demi kepentingan warga Wilayah Persekutuan Labuan amnya dan pelajar UMS-KAL khasnya," katanya.